



Anwar bersama Tengku Maimun dan Azalina serta Ketua Delegasi dari negara ASEAN pada Perhimpunan Agung Persatuan Undang-Undang ASEAN (ALA) Ke-14 dan Persidangan Undang-Undang ASEAN 2023 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

Pastikan keadilan tidak kira status

PM ingatkan pentadbiran perlu telus atas prinsip 'kerajaan terbuka'

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan pemerintah dan mereka yang berkuasa mesti dipertanggungjawabkan atas tindakan dan keputusan serta tidak menggunakan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) untuk mengaburi mata rakyat.

Perdana Menteri berkata, pentadbiran mesti telus atas prinsip 'kerajaan terbuka' dan kuasa kerajaan pula harus digunakan mengikut undang-undang, yang

juga harus adil dan semua pihak boleh mendapatkan keadilan.

"Kerajaan perlu telus dan itu penting daripada prinsip kerajaan terbuka. Oleh itu, urusan dan keputusan yang tidak jujur tidak boleh digunakan untuk mengaburi mata rakyat atas nama Akta Rahsia Rasmi.

"Kemudian, ada doktrin bahawa undang-undang mesti adil dan saksama, semua mesti mempunyai akses kepada keadilan," katanya berucap pada Perhimpunan Agung Persatuan Undang-Undang ASEAN (ALA) Ke-14 dan Persidangan Undang-Undang ASEAN 2023, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said serta Ketua Hakim Negara merangkap Presiden ALA Malaysia, Tun Tengku Maimun Tuan Mat.

Sehubungan itu, Anwar mengajak golongan peguam supaya menjadi pejuang keadilan, pem-

bela golongan terpinggir dan pembawa kesaksamaan.

"Kita mesti berusaha untuk memastikan keadilan bukan komoditi yang hanya tersedia untuk mereka yang mempunyai kemampuan kewangan, sebaliknya hak sejagat yang boleh diakses oleh semua, tanpa mengira status sosioekonomi mereka," tegas Perdana Menteri.

Bulan lalu, Jawatankuasa Khas Kabinet Tata Kelola Nasional (JKKTN) bersetuju secara prinsip terhadap penggabulan Akta Kebebasan Maklumat dengan mewujudkan parameter dan garis panduan jelas untuk akses orang awam mendapatkan maklumat daripada badan awam dan kerajaan.

Selaras persetujuan penggabulan Akta Kebebasan Maklumat, Akta 88 juga akan dipinda bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan dan menggalakkan pembabitatan rakyat dalam proses pembentukan dasar negara.

Sebelum ini, Kerajaan Perpaduan diterajui Anwar menyahklasifikasi beberapa laporan penting, termasuk berkait nahas pesawat pada 1976, dikenali tragedi *Double Six* yang meragut nyawa Ketua Menteri Sabah ketika itu, Allahyarham Tun Fuad Stephens dan 10 yang lain.

Kelmarin, kerajaan turut menyahklasifikasi laporan forensik kejadian tanah runtuh di Batang Kali, Selangor pada Disember lalu yang meragut 31 nyawa, termasuk 13 kanak-kanak serta mencederakan 61 yang lain.

Sementara itu, Anwar sekali lagi menegaskan tidak akan mencampuri urusan badan kehakiman, sebaliknya mempertahankan kebebasan badan itu dengan apa cara sekalipun kerana penting untuknya kekal berwibawa, bebas dan tidak berat sebelah.

Beliau berkata, badan kehakiman sebagai benteng keadilan adalah satu keperluan bagi ke-

daulatan undang-undang yang memberi jaminan bahawa kuasa kerajaan mesti digunakan mengikut undang-undang.

Perdana Menteri juga menegaskan, mesti ada perjuangan dasar yang menggalak serta menegakkan kesaksamaan jantina merentasi pelbagai bidang, termasuk pendidikan, pekerjaan dan kepimpinan.

Justeru, katanya, sumbangan serta potensi golongan wanita perlu diiktiraf, selain mereka diberi peluang yang sama untuk memimpin dan berinovasi.

"Berhubung kanak-kanak pula, selain menjadi mangsa buruh paksa serta pemerdagangan, masih ramai terlibat kerja berbahaya yang memudaratkan kesihatan, keselamatan dan pembangunan moral mereka.

"Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita untuk mewujudkan ruang selamat di mana minda kanak-kanak boleh berkembang dan hak mereka dilindungi," katanya.